

Pengetahuan Murid Tingkatan Lima Sekolah Swasta terhadap Kerjaya dalam Bidang Bahasa Melayu

Knowledge of Malay Language-Related Careers among Form Five Students in Private Schools

ZURAINI JUSOH, NORAZLINA MOHD KIRAM & ROZITA@RADHIAH SAID

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini telah dijalankan kepada 36 orang murid tingkatan lima di sebuah sekolah swasta di negeri Selangor. Sampel kajian terdiri daripada 17 (47.2%) murid lelaki dan 19 (52.8%) murid perempuan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengetahuan murid tingkatan lima di sebuah sekolah swasta terhadap jenis dan skop kerjaya yang berkaitan dengan bidang bahasa Melayu. Bagi tujuan ini, satu set soal selidik dengan hanya bahagian soalan terbuka yang berfokus kepada pengetahuan pekerjaan telah diedarkan. Murid turut diberi peluang untuk menulis lebih daripada satu jenis pekerjaan dalam bidang bahasa Melayu yang mereka ketahui. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 4 orang murid (11%) yang tidak mengetahui sebarang kerjaya berkaitan dengan bidang bahasa Melayu. Manakala hanya seorang murid dapat menyenaraikan enam jenis kerjaya berkaitan. Secara keseluruhannya, terdapat 18 jenis kerjaya telah dinyatakan oleh sampel kajian dan dapat dirumuskan bahawa murid yang dikaji ini kurang mengetahui skop kerjaya dalam bidang Bahasa Melayu. Selain itu, kajian turut menggambarkan minat yang rendah untuk menceburi kerjaya dalam bidang ini apabila sebanyak 12 (33.3%) menyatakan mereka tidak berminat menjadikan bidang bahasa Melayu sebagai pilihan kerjaya mereka.

Kata kunci: Bidang bahasa Melayu; pengetahuan kerjaya; sekolah swasta; jenis pekerjaan; potensi bidang bahasa Melayu

ABSTRACT

This survey was conducted among 36 students in form five at a private school in the state of Selangor. The study sampled 17 male students (47.2%) and 19 female students (52.8%). The primary objective of this study was to ascertain students in form five of a private school's knowledge of the types and scope of careers available in the Malay language field. To accomplish this, a set of questionnaires was distributed with only an open-ended question section focusing on occupational knowledge. Additionally, pupils are given the opportunity to write multiple job descriptions in the field of the Malay language that they are familiar with. According to the study's findings, four students (11%) were unaware of any career opportunities in the field of Malay language. While only one student can list six types of related careers, the study sample stated an average of 18 types of careers, indicating that the students studied are less aware of the breadth of careers available in the field of Malay language. To conclude, the study noted a lack of interest in pursuing a career in this field, with as many as 12 (33.3%) stating that they were not interested in pursuing a career in Malay language.

Keywords: Malay language; knowledge of career; private school; type of work; potential of Malay Language field

PENDAHULUAN

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang berkembang pesat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kini, perkembangan bahasa Melayu dapat diperhatikan dengan penubuhan Kursi Pengajian Melayu di universiti terkemuka dunia dan dipelajari secara meluas. Terdapat lebih 140 buah institusi pengajian tinggi di lebih 50 buah negara di seluruh dunia yang

menawarkan kursus pengajian bahasa Melayu, iaitu di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Rusia, Belanda, Jerman, Mesir, Iran, Pakistan (Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy 2017). Keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah berkembang pesat dan berada di persada dunia sesuai dengan pendapat Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah (2015) yang mengatakan bahawa pengaruh bahasa Melayu di kepulauan Nusantara telah berkembang pesat sebagai bahasa

ilmu dan ekonomi. Perkembangan ini ekoran bahasa Melayu telah berfungsi sebagai alat komunikasi yang bersifat ekonomi pada zaman Melaka ekoran daripada fungsinya sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat aktiviti perdagangan dan keusahawanan (Salleh Abdul Rashid & Shuhairimi Abdullah 2015). Malah, penyelidikan tentang bahasa Melayu juga telah banyak dijalankan semenjak zaman pra kemerdekaan lagi (Nor Hashimah Jalaluddin 2015). Keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja telah menjadi bahasa penyatuan pelbagai bangsa, malah peranannya sebagai bahasa komunikasi dan ilmu telah diperakui sejak dahulu lagi.

Jika disoroti dari sejarah, bahasa Melayu telah menjadi bidang pengajian yang tersendiri dan menjadi tumpuan kajian pada zaman kolonial (Kartini Abd Wahab, Sa'adiah Ma'alip, Maslida Yusuf & Karim Harun 2016). Kini, bahasa Melayu bukan sahaja telah diangkat menjadi bahasa kebangsaan bagi lima buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, malah mempunyai bilangan penutur yang banyak. Bahasa Melayu juga telah menduduki tempat yang tinggi sebagai bahasa moden kerana telah memenuhi semua syarat seperti bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan, bahasa perdagangan, bahasa agama, bahasa kebudayaan dan bahasa mahkamah (Mohd Rashid Hj. Md Idris 2013). Keadaan ini selari dengan kedudukan bahasa Melayu yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Namun, penggunaan bahasa Melayu piawai sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa tidak tercapai dan tersasar seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Mohd Sahandri et al. 2018). Keadaan ini bukan sahaja disebabkan oleh prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu yang masih kurang memuaskan sehingga kini, malah diburukkan lagi dengan tanggapan segelintir masyarakat terhadap pengajian dalam bidang bahasa yang dikatakan sebagai kurang ekonomik dan mudah dikuasai (Mohamad Sofee Razak 2007).

Selain itu, terdapat segelintir masyarakat yang gagal menghayati kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan secara terbuka mempertikaikannya sebagai bahasa rasmi negara (Noor Mohamad Shakil Hameed 2016). Lebih parah lagi apabila pelajar yang mengambil program ini di universiti tempatan sendiri tidak dapat menghayati nilai bahasa rasmi negara ini. Hal ini kerana pengajian dalam bidang bahasa Melayu sering dikelaskan sebagai tidak mempunyai masa depan

kerjaya yang kompetitif (Kartini Abd Wahab et al. 2016). Keadaan ini membuatkan program Bahasa dan Linguistik Melayu kurang mendapat perhatian dalam kalangan pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat pengajian ini. Sebaliknya, kebanyakan pelajar cenderung melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan bahasa Melayu. Pelajar beranggapan kedua-duanya perkara yang berbeza. Namun, yang membezakan antara kedua-duanya adalah skop kerjaya. Pelajar yang melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan bahasa Melayu skop pekerjaannya sebagai guru. Manakala, skop pekerjaan bidang bahasa Melayu pula lebih umum, iaitu sebagai penerbit, penterjemah, penulis sama ada penulis profesional mahupun penulis kreatif, penyelidik bahasa dan sebagainya. Jika diperhatikan berdasarkan skop kerjaya ini, skop kerjaya bidang bahasa Melayu adalah lebih meluas berbanding bidang pendidikan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pelajar sering menganggap kerjaya sebagai guru lebih terbuka secara meluas berbanding bidang bahasa Melayu secara umum. Hakikatnya tidak sebegitu kini. Hal ini kerana bidang pendidikan sekarang tidak menjanjikan pelajar yang menamatkan pengajian dalam bidang ini mendapat penempatan mengajar. Sistemnya kini bersifat terbuka. Keadaan inilah yang tidak disedari oleh pelajar dan masyarakat sekeliling. Pelajar yang mengambil bidang pendidikan sekarang tidak menjanjikan mereka memperoleh peluang kerja sebaik sahaja menamatkan pengajian. Pelajar masih perlu melalui sesi temu duga sama seperti pelajar bidang lain dan sekiranya berkecukupan barulah pelajar ini dilantik untuk mengajar di sesebuah sekolah berdasarkan kekosongan jawatan. Salah faham dan kurangnya pengetahuan ini membuatkan pelajar dan masyarakat menganggap bidang pendidikan lebih menjamin masa depan berbanding bidang-bidang yang lain. Sedangkan jika diperhatikan kepada skop-skop kerjaya yang disenaraikan tadi, skop kerjaya dalam bidang bahasa adalah lebih meluas dan banyak pilihan. Namun, sikap ini membuatkan bidang bahasa sering dipandang sepi. Pelajar kurang berminat melanjutkan pengajian dalam bidang bahasa, manakala ibu bapa atau masyarakat pula tidak menggalakkan anak-anaknya mereka.

Tanggapan sedemikian boleh dipertikaikan apabila jika diperhatikan terdapatnya keperluan tenaga kerja dalam bidang bahasa Melayu. Pendapat ini disokong berdasarkan penawaran bidang ini di beberapa buah universiti awam negara. Pengajian dalam bidang bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi ditawarkan di

beberapa universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bidang pengajian ini sama ada menggunakan istilah Program Bahasa Melayu atau Program Linguistik Melayu. Di Universiti Putra Malaysia (UPM), program ini ditawarkan di bawah Jabatan Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dengan nama Program Bachelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu. Pelajar perlu melengkapkan sebanyak 125 jam kredit selama 3 tahun 6 bulan untuk melayakkan mereka bergraduasi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian pengetahuan murid tingkatan lima di sebuah sekolah swasta ini telah dijalankan secara tinjauan. Seramai 36 orang murid telah terlibat, iaitu 17 (47.2%) merupakan murid lelaki dan 19 (52.8%) murid perempuan. Majoritinya berbangsa Melayu dan pemilihan responden kajian dibuat secara bertujuan apabila kesemua murid tingkatan lima ini diminta untuk menjawab satu set soal selidik yang diedarkan. Murid-murid ini telah dikumpulkan untuk sebuah program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Selesai sahaja program tersebut, murid-murid diminta menjawab soal selidik ini yang mengandungi sembilan soalan terbuka dan 57 soalan menggunakan skala ordinal jenis perbezaan semantik. Skala perbezaan ini menggunakan skala lima mata, iaitu 1, sangat tidak bersetuju hingga 5 mata, sangat bersetuju. Walau bagaimanapun, untuk tujuan penulisan kertas kerja ini, hanya bahagian soalan terbuka nombor enam “pekerjaan dalam bidang bahasa Melayu yang diketahui” akan dibincangkan, iaitu untuk menjawab persoalan kajian:

1. Sejauh manakah pengetahuan sampel kajian terhadap skop kerjaya dalam bidang bahasa Melayu?
2. Adakah kerjaya yang disenaraikan sampel kajian bersesuaian dengan bidang bahasa Melayu?

Penganalisan data untuk soalan terbuka ini menggunakan perisian IBM SPSS 22 apabila semua jenis kerjaya yang disenaraikan oleh responden kajian ditaip kembali menggunakan fungsi *string*. Analisis statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan telah digunakan untuk menghuraikan pengetahuan responden terhadap skop kerjaya

dalam bidang bahasa Melayu. Manakala, kesesuaian kerjaya yang disenaraikan pula dibuat berpandukan kerjaya yang dijangka disertai pelajar program Bahasa dan Linguistik Melayu, di Universiti Putra Malaysia setelah bergraduasi.

DAPATAN KAJIAN

Soalan terbuka berkenaan pengetahuan murid terhadap pekerjaan dalam bidang bahasa Melayu yang diketahui telah ditanyakan dalam borang soal selidik pada soalan nombor enam. Bagi soalan ini, pelajar dibenarkan menulis lebih daripada satu kerjaya yang diketahui mereka. Hasilnya, murid dapat menyatakan antara satu hingga enam kerjaya dalam bidang bahasa Melayu. Paling ramai, murid dapat menyatakan tiga jenis kerjaya, iaitu sebanyak 12 (33.3%) dan diikuti dengan lima pengetahuan kerjaya sebanyak 10 (25.0%). Sebanyak 6 (16.7%) murid didapati dapat menyatakan satu jenis kerjaya dalam bidang bahasa Melayu. Dua jenis kerjaya pula dapat dinyatakan oleh 3 (8.3%) murid. Manakala, untuk empat dan enam pengetahuan kerjaya dalam bahasa Melayu pula hanya seorang (2.8%) dapat menyatakannya. Sebaliknya, sebanyak 4 (11.1%) murid tingkatan lima sekolah swasta yang dikaji ini tidak dapat menyatakan sebarang kerjaya dalam bidang bahasa Melayu.

Keseluruhannya, murid telah menyenaraikan sebanyak 18 jenis kerjaya dalam bidang bahasa Melayu yang diketahui mereka. Antaranya ialah guru, penterjemah, penulis buku, penceramah, pengerusi majlis umum, pensyarah, wartawan, pembaca berita, pemberita, penyampai radio, pengulas sukan, penyair, penyanyi, jurugambar, mutawif, pemandu pelancong, pengkaji manuskrip lama dan peguam. Bagi penghuraian dapatan ini, pengkaji tidak membuat pengelompokan jenis kerjaya ini, sebaliknya mengeluarkan kembali apa yang ditulis oleh responden kajian.

Berdasarkan 18 jenis kerjaya ini, seramai 5 (27.8%) murid dapat menyatakan jenis kerjaya dengan tepat dan 13 (72.2%) pula kurang tepat. Misalnya, dalam semakan kurikulum yang dilakukan setiap lima tahun sekali di UPM, pelajar lulusan program Bahasa dan Linguistik Melayu dijangkakan mempunyai peluang kerjaya sebagai perancang bahasa, editor bahasa, penterjemah, penulis kreatif, penulis skrip, penulis profesional, penyelidik bahasa, agen persuratan, penulis kopi (copy writer) dan penerbit. Berdasarkan kerjaya yang disenaraikan dalam semakan kurikulum ini dapat disimpulkan bahawa jenis kerjaya yang

sesuai dengan bidang bahasa yang dinyatakan oleh responden ialah sebagai penterjemah, penulis buku, pengkaji manuskrip lama dan penyair.

Murid didapati telah menyatakan kerjaya sebagai penulis profesional ini secara umum dan rinci. Terdapat murid yang menyatakan secara umum apabila hanya menulis kerjaya sebagai penulis dan pengarang. Perincian pula dapat diperhatikan apabila murid menulis kerjaya seperti penulis buku dan penulis surat khabar. Di sini dapat diperhatikan bahawa murid yang menjadi responden kajian mengetahui bahawa kerjaya sebagai pengarang atau penulis boleh dikhususkan lagi berdasarkan bahan yang ditulis.

Manakala, kerjaya sebagai pengkaji manuskrip lama pula boleh dimasukkan dalam kategori penyelidikan bahasa. Kerjaya sebagai penyair yang dinyatakan oleh murid ini pula boleh dimasukkan dalam skop kerjaya sebagai penulis kreatif kerana penyair dalam *Kamus Dewan Edisi Empat* (2015) membawa maksud orang yang mengarang syair (sajak) atau pujangga. Oleh itu, berdasarkan definisi ini kerjaya sebagai penyair yang dinyatakan oleh murid yang menjadi sampel kajian ini boleh dimasukkan di bawah kerjaya sebagai penulis kreatif. Manakala, kerjaya sebagai penyanyi pula walaupun melibatkan aktiviti seni, namun tidak boleh dikategorikan atau dimasukkan di bawah skop penulis kreatif kerana kerjaya sebagai penyanyi tidak melibatkan aktiviti penulisan. Penyanyi lebih kepada perbuatan menyanyikan lagu yang telah dihasilkan berdasarkan lirik lagu tersebut.

Kerjaya sebagai mutawif dan pemandu pelancong pula walaupun tiada dalam 10 kerja yang dijangkakan akan diceburi oleh pelajar yang mengambil program Bahasa dan Linguistik Melayu ini, namun pelajar program ini mempunyai peluang yang cerah untuk menceburinya. Hal ini kerana pelajar diwajibkan mengambil kursus bahasa asing sekurang-kurang hingga tahap dua. Sekiranya pelajar berminat melanjutkan ke tahap tiga, pelajar akan diberikan sijil kemahiran yang menunjukkan pelajar telah menguasai bahasa asing tersebut. Matlamatnya, pelajar program Bahasa dan Linguistik Melayu menguasai bahasa ketiga dan dapat menceburkan diri dalam kerjaya yang melibatkan penguasaan bahasa kedua dan ketiga.

Selain itu, murid didapati paling kerap menyenaraikan kerjaya sebagai guru dan pensyarah. Untuk menjadi guru, pelajar perlu menguasai bidang pedagogi dan mengambil kursus tambahan setelah menamatkan pengajian dalam bidang bahasa ini bagi membolehkan mereka menjadi guru. Namun

begitu, pelajar yang mengambil program Bahasa dan Linguistik Melayu di pusat pengajian tinggi boleh bekerja sebagai guru tuisyen atau guru di sekolah swasta. Untuk itu, pelajar perlulah mempunyai minat dan menguasai cara mengajar agar ilmu yang disampaikan dapat diterima oleh muridnya. Hal ini kerana pelajar program bahasa lebih berfokus kepada pembelajaran aspek bahasa secara lebih mendalam dan khusus seperti ilmu nahu, semantik, pragmatik, dialektologi, fonetik dan fonologi dan sebagainya. Kerjaya sebagai pensyarah pula boleh diceburi setelah pelajar melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana dan doktor falsafah. Seperti yang diterangkan sebelum ini, pelajar bidang bahasa di universiti mendalami aspek bahasa. Oleh itu, pelajar yang melanjutkan pengajian akan menjadi pakar dalam satu-satu bidang bahasa.

Pekerjaan seperti penceramah, pengerusi majlis umum, wartawan, pembaca berita, pemberita, penyampai radio, pengulas sukan, jurugambar dan peguam yang disenaraikan oleh murid ini pula merupakan kerjaya yang tidak berkait dengan bidang bahasa Melayu. Kerjaya yang disenaraikan oleh murid seperti wartawan, pembaca berita, pemberita, penyampai radio dan pengulas sukan pula lebih cenderung kepada bidang penyiaran dan di bawah program komunikasi. Kerjaya sebagai jurugambar pula boleh dilakukan secara profesional mahupun secara sambilan. Selalunya, sekiranya melibatkan kerjaya secara profesional pelajar perlu mengambil kursus tertentu untuk melayakkan mereka dan memberikan keyakinan kepada pelanggan. Manakala, kerjaya sebagai jurugambar secara sambilan pula lebih kepada minat dan kecenderungan individu itu sendiri belajar mengambil gambar. Kerjaya seperti penceramah dan pengerusi majlis umum pula lebih kepada pengiktirafan masyarakat setempat. Kerjaya ini tidak memerlukan pelajar melanjutkan pengajian dalam program tertentu kerana tiada pengkhususan dalam bidang ini.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN

Dapat disimpulkan bahawa murid yang dikaji tidak terdedah kepada kepelbagaian kerjaya dalam bidang bahasa Melayu. Walaupun murid didapati dapat menyenaraikan pelbagai kerjaya dalam bidang bahasa namun, sama ada bidang itu tidak berkaitan dengan bidang bahasa Melayu mahupun bidang yang umum seperti guru dan pensyarah. Murid didapati tidak terdedah dengan kerjaya dalam bidang bahasa dan pemilihan kerjaya juga tidak diberikan bimbingan dalam kalangan murid. Murid

sepatutnya telah mempunyai pilihan kerjaya mereka semasa di tingkatan empat lagi untuk membolehkan mereka menjurus kepada bidang yang diminati dan memberikan tumpuan untuk mengejar kerjaya tersebut. Keadaan ini membolehkan murid memahami keperluan terutamanya melibatkan mata pelajaran yang perlu diberikan tumpuan untuk melayakkan mereka melanjutkan pengajian tinggi dalam program yang membolehkan mencapai kerjaya impian mereka.

Bagi itu, peluang kerjaya pelbagai bidang dan tidak terkecuali bidang bahasa Melayu perlu didedahkan kepada murid sejak awal lagi. Memang tidak dinafikan, adanya unit bimbingan dan kaunseling di sekolah yang membantu murid namun, bimbingan ini tidak menyeluruh, iaitu tidak melibatkan semua murid. Keadaan ini membuatkan murid bukan sahaja tidak terdedah dengan peluang kerjaya yang pelbagai dalam bidang bahasa malah, melanjutkan pengajian dalam bidang ini sebagai tiket melayakkan mereka melanjutkan pengajian pada peringkat pengajian tinggi dan tidak mendapat peluang kerjaya yang sesuai dengan bidang pengajian mereka setelah menamatkan pengajian kelak.

Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan oleh Mohd Sani et al. (2018), yang mengukur tahap kematangan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah mendapati bahawa tahap kematangan kerjaya murid berada pada tahap rendah dan sederhana. Pemahaman dan kesedaran terhadap kerjaya yang bakal diceburi sepatutnya telah didedahkan sejak di bangku sekolah lagi. Bukan pihak ibu bapa sahaja yang perlu memainkan peranan dalam hal ini, sebaliknya pihak sekolah juga sebagai sebuah institusi pendidikan formal. Hal ini kerana pendidikan kerjaya melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berstruktur untuk menyediakan platform kepada murid memahami potensi mereka, alam pekerjaan dan meningkatkan kemahiran khusus mereka dalam membuat pilihan kerjaya masa depan (Mohd Izwan et al. 2016). Pendedahan pada peringkat awal membolehkan murid-murid membuat perancangan awal dengan menyesuaikan pilihan mata pelajaran dengan kerjaya yang diminati mereka. Sebaliknya, apa yang diperhatikan dalam senario semasa murid-murid di negara ini, mereka hanya belajar tanpa mengetahui arah tuju atau matlamat pekerjaan yang akan diceburi mereka pada masa depan. Lanjutan daripada itu, masalah ini berterusan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Hal ini kerana kesukaran dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya merupakan suatu isu yang sering dialami oleh individu (Nur Liyana Mohd Ibrahim, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip & Mohammad Nasir Bustamam 2015). Walaupun pemikiran, perhatian dan pemilihan terhadap kerjaya boleh muncul seawal usia persekolahan sehinggalah selepas bersara di sepanjang kehidupan (Zool Hilmi Mohamed Ashari, Mohamad Sattar Rasul & Norzaini Azman 2014) namun, adalah penting pengetahuan kerjaya diterapkan sejak awal lagi bagi membolehkan murid merancang pendidikan mereka.

Menurut Muhammad Hazrul Ismail (2012) berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), salah satu faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan adalah kerana kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan. Masyarakat sering beranggapan bahawa graduan bidang bahasa mempunyai peluang kerjaya yang terhad. Seharusnya, bidang bahasa Melayu menawarkan peluang pekerjaan yang luas dalam menggerakkan industri pekerjaan (Mohd. Helmi Ahmad 2013). Oleh itu, graduan perlu melengkapkan diri dengan ilmu bahasa dan kemahiran insaniah yang telah diserapkan sepanjang pengajian. Ini seiring dengan pendapat Muhammad Hazrul Ismail (2012) yang mengatakan bahawa memiliki modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah faktor terpenting bagi Malaysia untuk mentransformasikan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Hal ini selaras dengan pendapat Zulelawati Bujang dan Yusni Zaini Yusuf (2015) yang mengatakan bahawa setiap individu memiliki potensi dan bakat yang boleh diperkembangkan dan dipertingkatkan. Oleh itu, dengan mengenal pasti kepelbagaian kerjaya yang boleh diceburi, murid dapat mengenali potensi diri dan memperkembangkan potensi tersebut. Kerjaya merupakan aktiviti utama dan kegiatan yang menentukan corak kehidupan individu, seterusnya menentukan kepuasan dalam bidang yang diceburi (Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz 2017). Untuk itu, murid perlu bijak merancang pilihan kerjaya yang sesuai dengan memanfaatkan bidang yang telah dipelajari. Satu kesedaran perlu diterapkan bahawa peluang pekerjaan di pasaran semasa masih terbuka luas dan tidak pernah tertutup sama sekali kerana bidang

bahasa dan linguistik ini begitu unik, konstruktif dan relevan dengan realiti pekerjaan dan perkhidmatan semasa (Mohamad Sofee Razak 2007). Sepatutnya tidak timbul desas-desus mengatakan bahawa graduan bidang bahasa tidak laku dalam pasaran kerja (Mohd. Helmi Ahmad 2013). Murid dan masyarakat perlu sedar bahawa bahasa merupakan medium untuk mendapatkan dan mengaplikasikan ilmu (Wan Ismail Wan Yusoh 2013). Tanpa bahasa, ilmu tidak akan dapat diperoleh dan disebarkan. Oleh itu, penting untuk pelajar yang mengambil bidang ini sama ada atas pilihan mereka sendiri atau disebabkan oleh penawaran untuk memahami potensi bidang bahasa Melayu sebagai laluan kerjaya mereka. Seterusnya, mendorong kepada minat untuk mempelajari dan mendalami bidang ini.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dijalankan menggunakan Geran Universiti Putra Malaysia 2017 yang telah diluluskan dananya untuk tajuk penyelidikan “Persepsi Pelajar Terhadap Potensi dan Prospek Kerjaya dalam Bidang Bahasa Melayu”.

RUJUKAN

Azizul Haji Ismail dan Vijayaletchumy Subramaniam. 2017. Pengajian bahasa di luar negara. Dewan Bahasa. 22 Disember 2018. <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=1825>
Kamus Dewan Edisi Empat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraini Jusoh
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang
Selangor D.E.
E-mel: zurainijusoh@upm.edu.my

Norazlina Mohd Kiram
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang
Selangor D.E.
E-mel: noraz@upm.edu.my

Rozita@Radhiah Said
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang
Selangor D.E.
E-mel: radhiahrozita@upm.edu.my

Diserahkan: 13 November 2020
Diterima: 15 Disember 2021

- Kartini Abd Wahab, Sa'adiah Ma'alip, Maslida Yusuf dan Karim Harun. 2016. Kebitaraan program pengajian Bahasa Melayu: Persepsi dan harapan mahasiswa. *Jurnal Melayu* 15(2): 176-195.
- Mohd. Helmi Ahmad. 2013. “Mencipta” kerjaya melalui Bahasa Melayu. Februari, Darihah Bahasa. *Dewan Bahasa*.
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad dan Wan Marzuki Wan Ahmad. 2016. Modul kesediaan kerjaya berdasarkan teori *Cognitive Information Processing* (CIP). *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 4(3): 59-75.
- Mohd Rashid Hj. Md Idris. 2013. Memartabatkan bahasa Melayu melalui pendidikan dan mendepani cabaran globalisasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*: 207-222.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Mohd Yusof Abdullah, Abdullah Raof Hussin, Saifudin Kumar Abdullah, Wong Kung Teck dan Shahril Ismail. 2018. Analisis pelaksanaan program memartabatkan bahasa Malaysia (MBM) sekolah rendah dan menengah di Malaysia. *Jurnal Kesidang* 3:40-61.
- Mohd Sani Ismail, Abdul Hakim Abdullah, Aman Daima Md Zain, Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Rahim Ariffin. 2018. Kematangan kerjaya pelajar: Implikasinya terhadap kaunseling kerjaya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 45-55.
- Mohamad Sofee Razak. 2007. Potensi, Prospek Kerjaya Bahasa. 8 Jun 2017 <http://mohamadsofee.blogspot.com/2007/12/potensi-prospek-kerjaya-bahasa.html>
- Muhammad Hazrul Ismail. 2012. Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding PERKEM VII*, 2. pp 906-913.
- Noor Mohamad Shakil Hameed. 2016. Terus perkasakan bahasa Melayu. 8 Jun 2017. <http://www.utusan.com.my/rencana/terus-perkasakan-bahasa-melayu-1.206875>
- Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim dan Siti Fardaniah Abdul Aziz. 2017. Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti. *e-Bangi*. Special Issue 3: 1-11.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Pelestarian dan perekaayaan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 19(1): 1-13.
- Nur Liyana Mohd Ibrahim, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip dan Mohammad Nasir Bustamam. 2015. Terjemahan, kesahan, dan kebolehppercayaan Career Thoughts Inventory. *Jurnal Sains Humanika* 7(1): 31-41.
- Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah. 2015. Mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi: Satu analisis. *Journal of Human Development and Communication* 4:125-134.
- Wan Ismail Wan Yusoh. 2013. Kebolehpasaran graduan berbahasa Melayu bergantung pada penguasaan Inggeris. 8 Jun 2017. <http://www.ukm.my/news/arkib/tahun-2013/oktober-2013/kebolehpasaran-graduan-berbahasa-melayu-bergantung-pada-penguasaan-inggeris-2/>
- Zool Hilmi Mohamed Ashari, Mohamad Sattar Rasul dan Norzaini Azman. 2014. Hubungan individu, persekitaran dan kebolehsesuaian terhadap pemilihan kerjaya pelajar sistem pensijilan kemahiran Malaysia (SPKM): Satu Analisis Kandungan. *Jurnal Sains Humanika* 2(1): 135-144.
- Zulelawati Bujang dan Yusni Zaini Yusuf. 2015. Trait personaliti dan hubungan dengan prestasi akademik bakal guru di sebuah institusi latihan perguruan. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)* 8: 171-180.